

B B524 BAH  
MAHATHIR - BMF

IPOH, 13 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN RASA KURANG SENANGNYA TERHADAP PERCUBAAN UNTUK MEMBABITKAN NAMA-NAMA PEMIMPIN KERAJAN DAN ORANG LAIN YANG TIDAK BERSALAH DENGAN PERISTIWA SKANDAL PINJAMAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF).

PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA MENCUBA MEMBABITKAN JENAYAH BMF DENGAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN WALAUPUN TIDAK ADA BUKTI DALAM SOAL ITU.

KETIKA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN PERPADUAN KIRA-KIRA 40,000 ORANG DI PADANG PERBANDARAN DI SINI, BELIAU BERKATA SURAT YANG DITULIS OLEH SI POLAN DAN SI POLAN MENYEBUTKAN NAMA PEMIMPIN KERAJAAN SENGAJA DISELITKAN DALAM LAPORAN INI (LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASAT BMF).

+MEREKA MENYELITKANNYA SUPAYA RAKYAT YANG TIDAK MUNGKIN MEMBACA LAPORAN SETEBAL 16 JILID INI AKAN SANGKA BAHAWA ORANG INI TERBABIT SEPANJANG MASA,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

+TETAPI SEBENARNYA, YANG BERLAKU IALAH PENJENAYAH INI MENULIS NAMA ORANG ITU DAN ORANG INI.

+APAKAH BOLEH KITA MENENTUKAN BAHAWA NAMA KITA TIDAK DISEBUTKAN OLEH ORANG LAIN? -- LAGI.

1834MST 13 03 86

B B525 BAH  
MAHATHIR - BMF 2 IPOH

+APAKAH SAYA MESTI BERTANGGUNGJAWAB KALAU SAUDARA-SAUDARA MEMEKIK MAHATHIR, MAKA SAYA BERSALAH? TANYA PERDANA MENTERI LAGI DENGAN JAWAPAN PEKIKAN +TIDAK+ OLEH ORANG RAMAI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK TAKUT UNTUK MENYIARKAN SEPENUHNYA LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASAT BMF KERANA +KITA TIDAK BERBUAT SESUATU YANG SALAH DAN BAGI MEREKA YANG BERSALAH, TINDAKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA.+

MENURUT BELIAU CAKAP-CAKAP SEKARANG JELASLAH MENUNJUKKAN ADA PIHAK YANG MENCUBA MENYEBARKAN BAHAWA ORANG YANG NAMANYA DISEBUT DALAM LAPORAN BMF ITU ADALAH BERSALAH.

+PERCUBAAN SEMACAM INI SATU PERCUBAAN YANG TIDAK SEPATUTNYA DIBUAT. TETAPI MEREKA SUDAH BERJAYA MENYEBUT NAMA DENGAN TIDAK MEMBERI KETERANGAN YANG CUKUP BERKENAAN DENGAN SEBUTAN ITU,+ KATANYA LAGI.

TUJUAN INI IALAH SUPAYA ADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENGGUNAKAN LAPORAN BMF UNTUK KEPENTINGAN POLITIK TANPA MEMPEDULIKAN AKIBAT SEBENAR YANG TERPAKSA DITANGGUNG OLEH KERAJAAN DAN PIHAK TERBABIT DALAM KERUGIAN SKANDAL ITU, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1836MST 13 03 86

B 8531 BAH

MAHATHIR - BMF 3 IPOH

MEREKA TIDAK PEDULI BMF RUGI \$2,000 JUTA, \$10,000 JUTA ATAU BERATUS-RATUS RIBU JUTA KERANA YANG PENTING MEREKA DAPAT MENGECEM KERAJAAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT ADANYA USAHA-USAHA UNTUK MENYEBARKAN LAPORAN INI (BMF) SECARA YANG TIDAK SAH TERMASUK PERCUBAAN MEMBURUK-BURUKKAN PEMIMPIN KERAJAAN DENGAN TUJUAN POLITIK MASING-MASING.

DALAM UCAPAN SELAMA SEJAM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENYENTUH SOAL PERPADUAN, KEMELESETAN EKONOMI DAN KEJAYAAN KERAJAAN DALAM PELBAGAI BIDANG SEHINGGA MENIMBULKAN IRI HATI DI KALANGAN ORANG-ORANG DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI.

BIAR APA PUN YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN, BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN BERMAKSUD BAIK MENGENAINYA TANPA SEDIKIT PUN BERNIAT BURUK.

MENGENAI KEGIATAN KUMPULAN DALAM NEGARA YANG MENCUBA MENGGAGALKAN PELBAGAI USAHA KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA TERDIRI BUKAN SAHAJA DARIPADA KALANGAN POLITIK TAPI JUGA ORANG-ORANG LAIN YANG BERSEMBUNYI (DI BAWAH NAMA PERTUBUHAN LAIN) UNTUK MENGECEM KERAJAAN.

BANYAK YANG MERAMALKAN MALAYSIA AKAN HANCUR AKIBAT PERISTIWA 13 MEI 1969, TETAPI HARI INI MALAYSIA BUKAN SAHAJA BERTAMBAH MAJU MALAH KEJAYAAN YANG DICAPAI DALAM PELBAGAI BIDANG TERMASUK PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT PELBAGAI KAUM TIDAK DAPAT DITANDINGI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN YANG GAGAL MELAKSANAKANNYA, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1855MST 13 03 86

B 8537 BAH

MAHATHIR - BMF 4 IPOH

MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAKLAH BERDIAM DIRI MELIHAT PENDERITAAN YANG DIHADAPI RAKYAT.

KERAJAAN SEBENARNYA SEDANG DAN AKAN TERUS Mencari pelbagai jalan dan usaha supaya rakyat tidak menderita akibat kemelesetan ini dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan lain dalam perniagaan, sektor pembinaan jalan raya dan seumpamanya.

KERAJAAN SEDIH DENGAN KEADAAN YANG DIALAMI RAKYAT DAN TINDAKAN MENUTUP LOMBONG BIJIH TIMAH MISALNYA BUKANLAH DISENGAJAKAN OLEH KERAJAAN ATAU MAJIKAN, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENYEBUT PENURUNAN HARGA BARANG-BARANG SEBAGAI SATU USAHA KERAJAAN KE ARAH MENOLONG RAKYAT DENGAN MENAMBAH KATA, JIKA HARGA MINYAK DI PASARAN DUNIA TURUN LAGI, MAKA HARGA BARANG-BARANG LAIN AKAN TURUT TURUN SAMA.

BAGI SEKTOR PERKILANGAN TEKSTIL YANG MENEMPUH BANYAK KERUGIAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MENGURANGKAN KADAR BAYARAN ELEKTRIK SUPAYA KILANG ITU MAMPU BEROPERASI TERUS.

MENGENAI PROJEK JAMBATAN PULAU PINANG, PERDANA MENTERI SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA IA PROJEK YANG SUDAH LAMA DIRANCANG DAN HANYA DILAKSANAKAN SEBELUM KEMELESETAN EKONOMI DAHULU. -- LAGI.

1908MST 13 03 86

B 8538 BAH  
MAHATHIR - BMF 5 IPOH

JAMBATAN ITU BUKANLAH DIRANCANG KETIKA NEGARA SEDANG MENGHADAPI KEMELESETAN TETAPI IA ADALAH PROJEK YANG DIJANJIKAN OLEH (PARTI) GERAKAN SEHINGGA BEROLEH KEMENANGAN DI PULAU PINANG, TAMBAH BELIAU. PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENJAMIN KEHIDUPAN RAKYAT YANG SELESA BAIK DI BANDAR MAHUPUN DI LUAR BANDAR. KERAJAAN TIDAK PERNAH BERNIAT BURUK KEPADA RAKYAT KERANA IA TERUS BERUSAHA DENGAN CITA-CITA MURNINYA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG DIHORMATI DI DUNIA DAN RAKYATNYA DIHORMATI DI MANA- MANA JUGA, TAMBAH PERDANA MENTERI.

BELIAU DIBERIKAN SAMBUTAN BEGITU HANGAT OLEH ORANG RAMAI YANG MEMBANJIRI PADANG TANPA MENGIRA HUJAN DAN PANAS SILIH BERGANTI-GANTI.  
-- BERNAMA.

1909MST 13 03 86